

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)**

**Makluman Penangguhan Kos Perjalanan oleh Pemberi Pendidikan
Tinggi bagi Penilaian Akreditasi Program Teknologi dan Teknikal**

[Surat Pemakluman MBOT bertarikh 15 Oktober 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. MBOT telah menambah baik struktur dan kadar fi bagi penilaian akreditasi program teknologi dan teknikal yang telah diguna pakai sejak tahun 2017.
- ii. Bermula **1 Januari 2026**, kos perjalanan panel penilai dan sekretariat MBOT bagi semua jenis penilaian akreditasi yang dijalankan secara fizikal perlu ditanggung oleh pihak Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) melibatkan kadar bayaran seperti berikut:

1) Kadar Bayaran Perjalanan dengan Kenderaan Sendiri

Jarak	Kadar
500 km pertama	85 sen/km
501 km dan selebihnya	75 sen/km
Tol	Kadar sebenar
Pengangkutan lain	Kadar sebenar

2) Kadar Bayaran Perjalanan dengan Kapal Terbang

Kerajaan	Kelas Penerbangan
Gred 14 dan ke atas (Sektor Awam)	Perniagaan
Gred 13 dan ke atas (Sektor Awam)	Ekonomi
Sektor Swasta	Ekonomi

- iii. Kadar bayaran perjalanan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk di Lampiran 1 dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- iv. Kadar bayaran fi bagi program badan profesional adalah di bawah tanggungan Fakulti/Sekolah. Justeru, Fakulti Pertanian (FP) diminta mengambil maklum kos perjalanan panel penilai dan sekretariat MBOT mengikut kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh MBOT, apabila program Bachelor Teknologi Pertanian Pintar dengan Kepujian menjalani penilaian Akreditasi Penuh kelak.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 7 November 2025